

Lonjakkan Felda ke peringkat global

Mm: 8/7/2007.

PUTRAJAYA 7 Julai - Kepimpinan Felda disaran agar terus mencari idea dan pemikiran yang bernas bagi mewujudkan dasar dan program-program baru yang boleh melonjakkan lagi pembangunan kawasan rancangan sehingga ke peringkat global.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini bagi memastikan Felda akan terus mengekalkan legasinya sebagai sebuah organisasi yang mampu memberikan impak besar kepada kemajuan negara bagi tempoh 50 tahun akan datang.

"Semua kakitangan Felda bermula daripada pucuk pimpinan dan kakitangan perlu memberikan kerjasama sepenuhnya bagi melakarkan sejarah yang lebih hebat, tersohor dan menyerlahkan kejayaan sehingga ke seluruh dunia,

"Legasi kejayaan Felda perlu diteruskan bagi menjadikan ia sebagai pengeluar minyak sawit dan pemilik ladang terbesar di dunia dan kerajaan juga akan mengumumkan langkah-langkah yang boleh memberikan kesan besar sesuai dengan imej negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Malam Semai Bakti sempena Sambutan Jubli Emas Hari Peneroka 2007 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini malam ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Felda, Tan Sri. Dr. Mohd. Yusof Noor.

Beliau berkata, petugas Felda yang berjumlah lebih 23,000

orang merupakan modal insan perlu berperanan untuk menjana kecemerlangan Felda dan masyarakat peneroka.

"Mereka perlu menjadi kumpulan yang mampu berfikir secara dinamik berasaskan kepada konsep pemikiran global.

Menurut Najib, tempoh 50 tahun negara ini mencapai kemerdekaan adalah satu masa yang singkat dan proses membina sebuah negara bangsa dan membangunkan sebuah tamadun masih perlu diteruskan.

"Oleh itu, semua peneroka dari 317 kawasan rancangan dan kakitangan Felda perlu kuatkan azam dan komitmen berdasarkan lima teras Felda supaya kecemerlangan yang ditunjukkan dapat memberikan impak besar," kata beliau.

Pada majlis tersebut, Najib menyampaikan anugerah kepada empat orang Pengurus Felda terbaik, masing-masing membawa pulang hadiah dalam bentuk sahan Koperasi Permodalan Felda bernilai RM5,000.

Mereka ialah Pegawai Rancangan Tanah Felda Chegar Perah 1, Mohd. Alias Loman; Pengurus Instolasi Oleokimia Felda Bulkers Sdn. Bhd., Nasri Ahmat; Pengurus Ladang Felda Lepar Utara 8, Kamaruddin Kassim dan Timbalan Pengerusi Gabungan JKRR Felda Wilayah Johor Bahru, Shamsudin Othman.

Selain itu beliau juga menyampaikan Pingat Semai Bakti bagi Darjah Utama, Kedua dan Ketiga kepada 18 orang kakitangan Felda manakala 10 orang peneroka dianugerahkan Pingat Khidmat Bakti.